

29/01/1997

Pembangunan MSC perlu berasas nilai murni

Ahmad Ghazali Musa

KORIDOR Raya Multimedia (MSC) bakal menjadi pencetus pembangunan teknologi maklumat (IT) dunia sekali gus mencipta sejarah penting era maklumat apabila buat pertama kali ia memberi peluang kerjasama syarikat dan kerajaan mengaut keuntungan dan faedah secara bersama.

MSC diibarat sebagai "jambatan" menemukan pembangunan era maklumat di Barat dan Timur. Jepun mewakili Timur dan Amerika Syarikat mewakili Barat. Mengapa MSC? Sebenarnya banyak kelebihan negara ini yang membolehkan Malaysia mampu menawarkan MSC kepada dunia. Sedia maklum kestabilan politik, ekonomi dan sosial adalah kelebihan yang dimiliki negara.

Didorong pula komitmen penuh kerajaan di bawah kepemimpinan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang menjadi penggerak utama MSC. Malah beliau sendiri merupakan "jurujuwal utama" MSC kepada dunia.

Pertemuan rombongan Dr Mahathir dan delegasi Malaysia terdiri teraju utama IT tempatan dengan 30 peneraju IT dunia di Universiti Stanford, California, baru-baru ini, menghasilkan keputusan positif apabila mereka memberi sokongan padu pembangunan MSC.

Ia merupakan komitmen awal yang boleh menjadi penggerak kepada kejayaan MSC. Apa pun, kita tidak boleh terlalu yakin hasil pertemuan itu. Atau dengan erti kata lain ia masih tidak meyakinkan syarikat dan negara yang sudah terkehadapan dari segi pembangunan IT itu untuk melihat MSC sebagai destinasi pelaburan utama mereka di masa akan datang.

Walaupun kita sediakan pelbagai manfaat dan peluang yang dikira cukup menguntungkan semua pihak, masih banyak kerja yang masih belum selesai. Penganalisis berkata banyak isu yang perlu ditangani Malaysia untuk menjayakan perancangan MSC.

Kekurangan tenaga kerja mahir industri adalah antara yang ketara dan serius. Usaha lebih agresif perlu dilakukan untuk mempertingkatkan jumlah tenaga kerja mahir di sini. Beliau sendiri yang mewakili syarikat perisian terbesar dunia itu turut memberi perhatian kepada usaha memindahkan tenaga mahir ke negara ini.

Contohnya, langkah Oracle Malaysia menambah kakitangan teknikal di kalangan tempatan.

"Kita sebenarnya secara berperingkat-peringkat memindahkan kepakaran Oracle ke negara ini," katanya.

Sebagai pengeluar perisian pengurusan data terbesar dunia, Oracle memberi kepercayaan kepada anak tempatan menerajui sama ada pengurusan mahupun bahagian teknikal syarikat itu di Malaysia.

Isu lain ialah kegiatan cetak rompak perisian yang turut menjadi masalah dan penghalang kepada MSC. Microsoft Corp adalah antara syarikat yang begitu lantang menyuarakan isu itu di peringkat tempatan.

Pengurus besarnya, Benedict Lee, berkata kadar cetak rompak di negara ini adalah tinggi dan memerlukan tindakan tegas. Justeru perundangan dan langkah agresif memerangi kegiatan itu adalah penting dan perlu diambil segera.

Pembangunan prasarana IT di MSC turut menjadi perkara menarik kerana ia dianggap sulit. Apatah lagi gagasan MSC yang membawa pendekatan komunikasi perkomputeran multimedia memerlukan prasarana canggih.

Untuk mewujudkan prasarana yang mampu mengurus laluan trafik terdiri daripada video, audio, imej dan grafik menjadi isu yang perlu diberi perhatian.

Namun sesulit mana sekalipun pembangunan prasarananya, janganlah sampai

ia menyulitkan pengguna. Kita ambil contoh telefon. Sesulit mana sekalipun pembangunan prasarana telekomunikasi itu, namun alat yang ditampilkan akhirnya memiliki ciri mudah diguna.

Janganlah pula tiba ke tahap pemasangan komputer atau komputer riba pun pengguna terpaksa mengambil masa lama kerana pengguna atau tenaga teknikal perlu menyambungkannya dengan banyak port di komputer terbabit yang kadang kala terlalu kompleks.

IT yang sepatutnya mempunyai ciri mesra pengguna, mesra alam dan mesra segalanya dengan ciri mudah akhirnya menjadi alat yang memeningkan kepala dan memberi tekanan kepada penggunanya.

Paling asas dalam memenuhi tuntutan pelabur yang bermacam-macam karenah itu MSC perlu dilihat sebagai kawasan pembangunan fizikal dan minda secara sihat.

Jangan jadikan ia sebagai pangkalan meluaskan "kawasan jajahan" baik dari segi jajahan fizikal mahupun minda. Justeru pembangunan MSC perlu berasas nilai murni agama Islam supaya ia tidak hancur dan menghancurkan yang lain.

(END)